



JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN BUKIT BARU,
PETI SURAT No. 62,
75150 BUKIT BARU,
MELAKA

HEM/Dadah : 06-2325630
Fax : 06-2312326
Sukan : 06-2328276
Fax : 06-2312845
Kokurikulum : 06-2324804
Fax : 06-2312848
Pendidikan Islam : 06-2327197
Fax : 06-2332949

Rujukan Kami: JPM.SPPK.SKN. 900-TID (02)
Tarikh : 26 September 2011

Guru Besar,
Sekolah-sekolah Rendah Negeri Melaka

Tuan,

**PELAKSANAAN PROGRAM MENGENAL PASTI BAKAT (TID) PERINGKAT DAERAH
2011**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pelajaran Melaka akan melaksanakan Program Mengenal Pasti Bakat Sukan untuk pemilihan atlet ke tingkatan satu Sekolah Sukan Negeri Melaka bagi tahun 2012.

3. Sehubungan itu, dipohon kerjasama tuan untuk menghantar pelajar-pelajar tahun enam yang layak berdasarkan keterangan berikut: -

- 3.1 Acara Balapan dan Padang : 4 orang
- 3.2 Bola Sepak : 2 orang
- 3.3 Sepak Takraw : 2 orang
- 3.4 Bola Jaring : 2 orang

4. Tarikh, masa dan tempat program adalah seperti berikut :-

Bil	Tarikh	Masa	Peringkat/Kawasan	Tempat
1.	10.10.2011	8.00 pagi – 1.00 tgh	Ayer Keroh & Tanjong	SSN Seri Kota
2.	11.10.2011	8.00 pagi – 1.00 tgh	Bukit China	SSK Seri Kota
3.	13.10.2011	8.00 pagi – 1.00 tgh	Alor Gajah & Masjid Tanah	SMK Seri Pengkalan
4.	18.10.2011	8.00 pagi – 1.00 tgh	Jasin & Merlimau	SK Serkam Darat
5.	01.11.2011 & 02.11.2011	8.00 pagi – 1.00 tgh	Peringkat Negeri	SSN Seri Kota

5. Adalah diingatkan bahawa pelajar-pelajar yang hadir untuk ujian TID ini WAJIB diiringi oleh guru. Makan minum pelajar menjalani ujian TID disediakan. (Sebarang pertanyaan sila hubungi Encik Kamarudin bin Othman di talian 012-2509197).

Kerjasama serta sokongan pihak tuan mengenai perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" MELAKA MAJU NEGERI KU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU "

" TOWARDS EXCELLENCE "

Saya yang menurut perintah,

(HAJI MOHAMAD SAPIAN BIN SIRAN)

Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan
Jabatan Pelajaran Melaka.

- s.k
- 1. Pengarah Pelajaran Melaka
 - 2. Timbalan Pengarah Pelajaran Melaka
 - 3. Semua Ketua Sektor JPM
 - 4. PPD Melaka Tengah / Alor Gajah / Jasin.